Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 8, e002471
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2471

Perbicaraan Mengikut Undang-Undang Adat dalam Perkahwinan Komuniti Orang Asli Semai di Pos Bersih, Perak

(Trial According to Customary Law in the Marriage of Semai Community in Pos Bersih, Perak)

Mohd Firdaus Nordin[1*], Zanisah Man[2]

[1]Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: fnordin.ukm@gmail.com
[2]Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: zanisahman@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Firdaus Nordin
(fnordin.ukm@gmail.com)

KATA KUNCI:
Perbicaraan
Undang-Undang Adat
Adat Perkahwinan
Orang Asli Semai

KEYWORDS:
Trial
Customary Law
Marriage Custom
Orang Asli Semai

CITATION:
Mohd Firdaus Nordin & Zanisah Man. (2023). Perbicaraan Mengikut Undang-Undang Adat dalam Perkahwinan Komuniti Orang Asli Semai di Pos Bersih, Perak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(8), e002471. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2471

ABSTRAK

Makalah ini dijalankan bagi membincangkan mengenai perbicaraan mengikut undang-undang adat dalam perkahwinan komuniti Orang Asli Semai. Makalah ini menggunakan kaedah kualitatif. Seramai 8 orang informan yang berumur 45 tahun ke atas dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian perpustakaan, temu bual, pemerhatian dan rakaman. Lokasi Pos Bersih dijadikan sebagai lokasi kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 3 tahap perbicaraan berdasarkan undang-undang adat dalam perkahwinan dalam komuniti tersebut iaitu di peringkat waris, peringkat Stin dan peringkat tertinggi iaitu di peringkat Batin. Melalui gabungan peranan yang dimainkan oleh pemimpin adat serta pegangan kukuh terhadap nilai dan norma di kalangan ahli komuniti telah menyumbang kepada kehidupan berumah tangga yang harmoni. Walaupun mengaplikasikan undang-undang tidak bertulis yang tiada kesahan di sisi undang-undang rasmi yang lain, namun ianya telah berfungsi dalam menjaga aturan sosial dalam konteks adat resam bagi komuniti tersebut. Pengamalan undang-undang ini juga sebagai mekanisme yang menyumbang kepada keharmonian hidup di kalangan ahli komuniti yang saling bergantungan antara satu sama lain.

ABSTRACT

This paper is conducted to discuss the trial according to customary law in the marriage of the Orang Asli Semai community. This paper using qualitative method. A total of 8 informants aged 45 years and above were selected using purposive sampling technique. The methods used in this study were library research, interview, observation and recording. The location of Pos Bersih was used as the study

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

location. The findings of the study show that there are 3 levels of trial based on customary law in marriage in the community, which is at the level of heirs, the level of Stin and the highest level, at the level of Batin. Through the combination of roles played by customary leaders as well as a strong hold on values and norms among community members, they have contributed to a harmonious married life. Although it applies unwritten laws that have no validity before other official laws, it has served in maintaining social order under the justification of customs within the community. The practice of this law is also a mechanism that contributes to the harmony of life among members of the community who are interdependent with each other.

Sumbangan/Keaslian: Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa perbicaraan mengikut adat perkahwinan telah menyumbang kepada keharmonian hidup berumahtangga di kalangan komuniti Orang Asli Semai di Kampung Pos Bersih, Perak melalui kepatuhan kepada nilai dan norma yang diterapkan dalam komuniti berkenaan.

1. Pengenalan

Adat resam merupakan peraturan sosial yang agak rasmi dalam sesuatu masyarakat. Ahli antropologi (Edo, 2004) menggagap sesuatu 'adat' sebagai peraturan yang bersifat lebih kukuh di mana hukuman-hukuman tertentu akan dikenakan terhadap 'pesalah'. Manakala 'resam' pula merujuk kepada cara hidup yang kebiasaannya diamalkan oleh semua ahli komuniti dan lebih bersifat longgar. Pengamalan budaya dan adat resam ini sudah berdarah daging dalam jiwa setiap ahli masyarakat di negara ini termasuklah dalam komuniti Orang Asli. Sememangnya diketahui bahawa Orang Asli di Negara ini kaya dengan adat resam yang telah dipraktikkan sejak sekian lama. Adat resam ini termasuklah daripada aspek perkahwinan.

Tidak dinafikan lagi, nilai-nilai murni yang terkandung dalam adat ini telah membentuk cara hidup (adat) yang sempurna dan seterusnya menjadi asas kepada pembentukan identiti masyarakat tersebut. Dalam konteks 'adat' dan 'resam', kebiasaannya, orang yang melanggar resam tidak dijatuhkan hukuman yang 'berat' di mana 'pesalah' tersebut hanya dinasihatkan oleh ahli komuniti yang lain serta waris pihak-pihak yang terbabit (Edo, 2004). Namun pada masa kini, adat dan nilai-nilai tradisional semakin terhakis akibat perkembangan nilai-nilai kehidupan moden yang sebahagian besarnya berteraskan kebendaan (Edo, 2004; Mohamad et al. 2016). Perkara tersebut disokong melalui kajian yang dijalankan oleh Rosley (2009) yang mendapati masyarakat Orang Asli terkesan dengan perubahan persekitaran yang berlaku sehingga memberikan kesan dalam kehidupan mereka.

Lebih membimbangkan lagi, Orang Asli itu sendiri terutamanya daripada golongan muda tidak lagi berusaha untuk mengamalkan, memulihara dan mempedulikan kelestarian adat mereka. Mereka juga kini tidak lagi mempunyai pengetahuan tentang adat yang telah diamalkan sejak sekian lama oleh suku kaum mereka sendiri. Kekhuatiran mengenai kepupusan adat komuniti Orang Asli ini disuarakan oleh sebilangan penyelidik (Jo Komar & Amir Zal, 2014; Ahmad Khairuddin & Hanafiah,

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2021) yang pada asasnya didorong oleh pemahaman (dan kesedaran) mengenai keunikan adat istiadat dan pantang larang terutamanya dalam adat perkahwinan komuniti Orang Asli (Muda, 2016) yang mungkin akan terkesan disebabkan oleh perubahan tersebut.

Kenyataan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Bon (2003) yang mendapati golongan remaja dan kanak-kanak Orang Asli yang merupakan kumpulan majoriti di sesebuah perkampungan Orang Asli ini lebih terdedah kepada perkembangan semasa dan golongan ini lebih cenderung untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih moden berbanding dengan golongan tua dan dewasa. Tambahan pula komuniti Orang Asli pada masa kini semakin didedahkan dengan perkembangan teknologi terkini yang memberi kesan kepada perkembangan nilai hidup mereka (Rosnon et al., 2019). Perkara tersebut secara tidak langsung dilihat akan lebih memungkinkan kecenderungan perubahan corak hidup di kalangan komuniti Orang Asli pada masa hadapan setelah golongan muda ini mengambil alih tampuk kepimpinan sesebuah kampung Orang Asli daripada generasi yang terdahulu.

Kehidupan dalam sesebuah komuniti dijaga melalui pengurusan yang dijalankan oleh anggota Majlis Adat yang ditunjangi oleh penghulu serta orang-orang tua. Majlis Adat ini berfungsi seolah-olah 'mahkamah' di mana penghulu menjadi 'hakim' manakala orang-orang tua menjadi 'juri'. Pihak yang bersalah akan dikenakan hukuman berbentuk penggantian barang-barang atau wang ringgit dengan nilai maksimum sebanyak RM300 (Kamarudin, 2005). Walau bagaimanapun, amaun tersebut dilihat agak kecil pada masa kini dan memungkinkan seseorang itu tidak gentar untuk melakukan kesalahan melanggar undang-undang adat lantaran hukuman rendah yang bakal dikenakan.

Selain daripada itu, aplikasi dan pematuhan ahli komuniti Orang Asli di Kampung Pos Bersih terhadap adat perkahwinan dan pelaksanaan denda masih belum diterokai. Tambahan pula terdapat kritikan yang bukan sahaja menganggap undang-undang adat ini kaku, tidak fleksibel dan kuno bahkan turut mempersoalkan mengenai kesahihan undang-undang Orang Asli dalam masyarakat moden (Conway, 2008).

Tidak dinafikan, kajian berhubung adat perkahwinan bagi Orang Asli Semai telah dijalankan oleh penyelidik sebelum ini seperti Fix (1977), Edo (1988) dan Suki Mee (2009). Namun begitu, sejauh mana adat perkahwinan itu kekal diamalkan sehingga kini masih belum dipastikan oleh mana-mana penyelidikan hingga ke saat ini. Justeru bagi meneruskan kajian berkenaan adat perkahwinan Orang Asli Semai ini, satu kajian khusus perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti jawapan kepada persoalan ini. Memandangkan sesuatu adat itu bersifat dinamik dan tidak statik, iaitu sentiasa berubah-ubah mengikut keperluan sesuatu komuniti (Saad, 2015), adalah menjadi keperluan untuk menjalankan kajian mutakhir terhadap adat perkahwinan komuniti Orang Asli Semai di Pos Bersih bagi tujuan dokumentasi untuk rujukan di masa akan datang.

2. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Patton (1990), kaedah kualitatif kebiasaannya akan menghasilkan banyak maklumat dan informasi terperinci dan mengukuhkan pemahaman terhadap suatu kes atau situasi. Penelitian akan dilaksanakan untuk mendapatkan kefahaman secara umum. Melalui data-data yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dikumpulkan ini akan menghasilkan maklumat yang diperlukan untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai.

Sampel kajian dipilih melalui persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan ini sesuai dengan reka bentuk kajian kualitatif (Nor, Kamaluddin & Sulaiman, 2019). Bakal informan akan dipilih daripada golongan yang berumur 45 tahun ke atas. Ini kerana, golongan ini mempunyai lebih pengalaman dan pengetahuan tentang pengamalan adat perkahwinan berdasarkan faktor usia mereka.

Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan. Kaedah temu bual membolehkan informan menjawab secara bebas dan tidak perlu memilih daripada pilihan jawapan sehingga memungkinkan fleksibiliti yang maksimum (Lebar, 2012). Bagi mendapatkan refleksi, temu bual tidak berstruktur dijalankan terhadap 8 orang informan yang ditetapkan yang terdiri daripada kalangan penduduk Kampung Orang Asli Pos Bersih selain Batin kampung tersebut sendiri yang bertanggungjawab serta mempunyai "*authority*" dan akses ke atas kampung tersebut. Senarai informan dalam kajian ini ditandakan sebagai Informan A1 hingga Informan A8. Temu bual dijalankan secara tidak formal dengan menggunakan soalan terbuka. Perkara ini dibuat bertujuan untuk meneroka idea atau perasaan informan.

Selain daripada itu, pengkaji juga mendapatkan data dan maklumat melalui kaedah pemerhatian turut serta di kawasan kajian. Melalui kaedah ini, kebolehpercayaan terhadap data dan maklumat yang diberikan dapat disahkan. Pemerhatian ini direkod dengan rakaman video dan gambar statik yang dilihat mampu mengesahkan dan menyokong data kajian. Data-data yang diperoleh melalui teknik yang digunakan akan dianalisis dan seterusnya diterjemahkan dalam bentuk jadual dan transkripsi.

Data-data yang diperolehi ini akan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Menurut Junaid (2016: 66), analisis ini merupakan kaedah dengan mengidentifikasi, menganalisis dan melaporkan tema-tema atau pola-pola yang wujud di dalam sesuatu data bagi menjawab soalan kajian daripada kajian tersebut.

2.1. Kawasan Kajian

Umumnya, Orang Asli merangkumi sebahagian kecil daripada 0.6 peratus populasi penduduk di Malaysia, yakni meliputi 206,777 ribu orang secara keseluruhannya (Jabatan Kemajuan Orang Asli [JAKOA], 2022). Komuniti ini telah mendiami negara sejak beribu tahun yang lalu, dan merupakan penduduk awal di Semenanjung Malaysia di mana mereka telah menetap hampir 7,000 tahun lamanya di negara ini (Yew et al. 2015; Williams-Hunt, 1952; Skeat & Blagden, 1906). Mereka menjadi pemburu dan pencari makanan dan tinggal di gua-gua batu. Carey (1976) menyatakan masyarakat Orang Asli tinggal di kawasan utara sehingga selatan Semenanjung Malaysia terutamanya di negeri Kelantan dan Banjaran Titiwangsa. Majoriti daripada mereka tinggal di kawasan tanah tinggi manakala sebahagian lagi tinggal di kawasan tanah rendah yang berdekatan dengan perkampungan Orang Melayu terutamanya di Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Nicholas, 2000).

Kampung Orang Asli Pos Bersih merupakan sebuah perkampungan Orang Asli yang terletak di daerah Mualim, Perak. Kampung ini diketuai oleh seorang Batin bernama Syani anak Yoek Yim. Pada tahun 2020, terdapat seramai 620 orang penduduk yang

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mendiami kampung terbabit di mana pecahannya terdiri daripada 319 orang lelaki dan 301 orang perempuan (JAKOA, 2021). Menurut penceritaan oleh penduduk kampung, nama "Bersih" ini diperolehi sebatang sungai yang merentangi kampung terbabit. Sungai tersebut dipanggil "bersik" oleh penduduk tempatan yang bermaksud bersih dan suci.

Perkampungan ini wujud pada sekitar awal tahun 50-an. Kawasan ini pada mulanya adalah merupakan kawasan ladang milik pengganas komunis. Kawasan tersebut ditanam dengan tanaman padi yang dijadikan sumber makanan kepada pengganas komunis. Sebelum ini, mereka tinggal berselerak di sekitar hutan di kawasan tersebut. Bagi menangani ancaman pengganas komunis, mereka telah dikumpulkan di suatu tempat yang dikenali sebagai pos oleh pihak British.

Komuniti Orang Asli di kampung ini dari keturunan Semai. Selain Kampung Orang Asli Pos Bersih, terdapat beberapa kampung Orang Asli yang terletak berhampiran dengan kampung tersebut seperti Pos Bakong, Pos Gesau, Pos Keding, Pos Tibang serta Pos Tenau yang terletak berhampiran dengan sempadan negeri Pahang.

3. Hasil Kajian

Dalam konteks adat dan resam komuniti Semai di Pos Bersih, perbicaraan adat komuniti Semai dibahagikan kepada beberapa aspek utama iaitu peranan pemimpin adat, nilai dan norma, kesalahan, perbicaraan di peringkat waris, perbicaraan di peringkat Stin dan perbicaraan di peringkat Batin.

3.1. Peranan Pemimpin Adat

Dalam komuniti Orang Asli Semai di Kampung Pos Bersih, mereka mempunyai institusi sosial yang dikenali sebagai Majlis Adat. Daud (1992) menjelaskan bahawa institusi sosial mewujudkan suatu struktur organisasi yang terdiri daripada beberapa ahli. Setiap ahli ini perlu berperanan mengikut fungsi dan tanggungjawab mereka bagi memastikan institusi terbabit terus berkesinambungan.

Majlis Adat ini dianggotai oleh pemimpin adat seperti Batin, Stin, Tandil, Halak dan beberapa orang ahli jawatankuasa yang dipilih di kalangan ahli komuniti. Merton (1968) menjelaskan fungsi yang terdapat di dalam institusi sosial ini membolehkan struktur sosial ini dikawal. Dalam hal ini, selaku ketua penjaga adat (Salleh, 1989), Batin dengan bantuan pemimpin adat yang lain telah memainkan fungsi dan peranan yang besar dalam memastikan kepatuhan ahli komuniti terhadap undang-undang adat yang diterapkan di kampung terbabit.

Selain Majlis Adat, institusi kekeluargaan itu sendiri memainkan peranan besar dalam memastikan kesinambungan adat perkahwinan di kalangan ahli keluarga mereka sendiri. Merton (1968) menegaskan bahawa keluarga memainkan peranan yang penting dalam sesebuah komuniti di mana institusi ini berfungsi untuk melatih generasi muda dalam aspek ekonomi, keagamaan dan lain-lain. Selaku antara agen sosialisasi yang utama, asuhan ibu bapa kepada anak-anak mereka berkenaan norma dan nilai dalam kehidupan berkomuniti ini telah diterapkan sejak mereka masih kecil lagi.

Begitu juga peranan dan fungsi yang dimainkan oleh waris terutamanya waris mas dalam sesebuah keluarga ini. Selain bayaran wang adat kepada Batin, pengantin lelaki juga dikehendaki untuk membayar wang adat kepada waris mas kedua-dua pihak lelaki

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan perempuan. Menurut Informan A3 (2022), melalui pembayaran wang adat oleh pasangan suami isteri kepada pihak waris mereka semasa adat berhukum dijalankan, ianya sebagai simbolik yang mengikut pasangan suami isteri untuk mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak waris selain kebertanggungjawaban pihak waris dalam memastikan rumah tangga pasangan tersebut dalam keadaan aman dan harmoni. Pihak waris ini berperanan untuk menegur dan memberi nasihat kepada anak saudara mereka dalam hal ehwal rumah tangga bagi memastikan rumah tangga yang dibina kekal utuh.

3.2. Nilai dan Norma

Pembentukan aturan sosial menjadi panduan kepada ahli komuniti mengenai tatacara yang harus mereka ikuti dan patuhi dalam menjalani kehidupan seharian di kampung tersebut. Melalui proses pembelajaran dan pengalaman hidup, pembentukan aturan sosial berkenaan nilai dan norma sosial ini bermula sejak seseorang ahli komuniti itu masih kecil lagi dan berterusan sehingga mereka meningkat dewasa. Nilai dan norma ini berfungsi untuk mengatur dan membentuk kehidupan pasangan suami isteri di Kampung Pos Bersih. Menurut Mariappan (2000), nilai dan norma ini menjadi pedoman dalam teori Struktur Fungsional bagi menentukan dan memberikan justifikasi terhadap kewujudan kedudukan dalam struktur sosial. Justeru, bagi memelihara hubungan sosial yang teratur, manusia perlu sedikit sebanyak dikenakan paksaan agar mereka tidak melakukan sesuatu perkara sesuka hati mereka. Oleh yang demikian, beberapa peraturan iaitu sekatan kelakuan perlu dipatuhi bagi memastikan kepentingan umum sentiasa terjaga (Beattie, 1979).

Selain daripada itu, hukuman dalam kehidupan sosial berfungsi untuk memelihara kesinambungan struktur (Merton, 1968). Raho (2021) turut bersependapat dalam hal ini dan menegaskan bahawa hukuman yang dijatuhkan atas kesalahan yang dibuat oleh seseorang pesalah juga berfungsi untuk mengukuhkan komuniti. Menurut Informan A4 (2022), melalui hukuman, ianya dapat menghindari ahli komuniti daripada melakukan kesalahan dan ahli komuniti itu sendiri sudah pasti akan mengelakkan diri mereka daripada melakukan sebarang perbuatan yang boleh menyebabkan diri mereka daripada dihukum. Secara tidak langsung, hukuman ini mengukuhkan aturan sosial yang seterusnya menghasilkan fungsi dalam memelihara struktur sosial.

3.3. Kesalahan

Moss (1997) menjelaskan komuniti Semai tidak mempunyai sistem keadilan jenayah dalam bentuk yang formal. Walau bagaimanapun, mereka mempraktikkan cara penyelesaian konflik yang berbentuk semi-formal seperti prosiding mahkamah di negara Barat. Orang Semai menyebutnya sebagai “bicara”.

Terdapat pelbagai kesalahan yang boleh menyebabkan seseorang dibicarakan berkaitan hal ehwal perkahwinan dalam komuniti Orang Asli Semai di Pos Bersih. Kesalahan-kesalahan ini akan dihukum dengan pemberian kata-kata nasihat, pembayaran denda mahupun perintah untuk bercerai.

Menurut Skeat dan Bladgen (1966), penceraian di antara pasangan adalah dibenarkan di kalangan komuniti Orang Asli. Sekiranya suami melakukan kesalahan yang serius, kes tersebut akan diselesaikan melalui hukuman denda atau penceraian di mana hak penjagaan anak akan diberikan kepada isteri. Kesalahan yang berkaitan dengan isteri pula adalah seperti tidak mengemas rumah, tidak membantu dalam kerja-kerja

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menanam, pemburuan dan lain-lain tugas yang berkaitan dengan peranannya sebagai seorang isteri.

Informan A2 (2022) menyatakan kesalahan-kesalahan lain berkaitan adat perkahwinan yang boleh menyebabkan seseorang itu dibicarakan mengikut hukum adat di Kampung Pos Bersih adalah seperti berselisih faham, tidak bertanggungjawab, telah melakukan manjat tubuh dengan pasangannya namun tiada niat untuk berkahwin, curang dan membuntingkan perempuan tanpa berkahwin dengannya. Walau bagaimanapun, kes yang melibatkan permasalahan rumah tangga di kalangan pasangan Orang Asli di kampung ini tidaklah begitu serius dan hanya melibatkan perkara-perkara yang kecil sahaja dan bukannya melibatkan sesuatu yang serius dan besar. Lazimnya kes yang melibatkan permasalahan rumah tangga ini hanya diselesaikan oleh pasangan suami isteri itu sendiri atau dengan nasihat waris-waris mereka sahaja.

Berdasarkan kenyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa kehidupan pasangan suami isteri di Kampung Pos Bersih berada dalam keadaan aman dan harmoni. Walaupun menjadi lumrah untuk pasangan suami isteri berhadapan dengan perselisihan faham sepanjang perkahwinan mereka, namun perkara tersebut tidak berpanjangan sehingga dapat menjejaskan kerukunan rumah tangga mereka.

3.4. Perbicaraan Peringkat Waris

Menurut Informan A6 (2022), dalam proses perbicaraan, peringkat waris merupakan tahap yang paling bawah. Kebiasaannya, perselisihan peringkat awal atau yang tidak terlalu rumit akan dikendalikan oleh pihak waris sahaja. Walaupun secara dasarnya waris tidak berada dalam hierarki kepimpinan di peringkat kampung, namun daripada sudut adat, waris mempunyai hak untuk menasihati pasangan terbabit untuk berdamai dan bertanggungjawab untuk membantu pasangan suami isteri yang berhadapan dengan masalah rumah tangga. Inilah sebabnya semasa adat berhukum berlangsung, waris ini juga dibayar duit adat oleh pasangan pengantin. Pembayaran wang oleh pasangan pengantin kepada pihak waris mereka ini secara simboliknya mengikat mereka untuk mematuhi nasihat daripada pihak waris selain kebertanggungjawaban pihak waris untuk memastikan keharmonian rumah tangga pasangan pengantin terbabit.

Walau bagaimanapun, waris-waris ini hanya akan bertindak apabila sesuatu permasalahan itu diadukan kepada pengetahuan mereka sendiri oleh pasangan terbabit. Sekiranya tiada sebarang aduan yang dibuat walaupun pasangan terbabit mempunyai perselisihan, pihak waris tidak boleh bertindak. Apabila berlaku sebarang masalah atau perselisihan, pihak suami atau isteri akan mengadukan hal tersebut kepada waris pasangan mereka. Sebagai contoh, sekiranya pihak isteri tidak berpuas hati dengan suaminya, maka hal tersebut akan diadukan kepada waris suaminya untuk diselesaikan (Informan A3, 2022).

Berdasarkan kenyataan di atas, ianya memperlihatkan unsur keadilan yang diterapkan dalam sistem adat Orang Asli Semai di Kampung Pos Bersih. Ini kerana, sekiranya seseorang itu mengadu secara terus kepada warisnya sendiri, sudah tentu waris tersebut cenderung untuk berpihak kepada anak buah mereka sendiri dan perkara ini boleh menyebabkan berlaku ketidakadilan dalam proses perbicaraan kelak. Justeru, bagi mengelakkan perkara ini daripada terjadi, maka suami atau isteri yang mempunyai

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

permasalahan rumah tangga perlu mengadu hal tersebut kepada waris pasangannya dan bukannya kepada waris mereka sendiri.

Perkara ini turut disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Edo (1988) yang mendapati sekiranya terdapat perselisihan yang berlaku dalam hubungan pasangan terbabit, sebagai contoh suami melakukan kekasaran kepada isterinya, maka hal tersebut perlulah diadukan oleh isteri kepada waris mas suaminya dan bukannya kepada orang lain. Jika si isteri mengadukan hal tersebut kepada orang lain, maka dia boleh didenda.

Menurut Informan A5 (2022), setelah mendapat aduan daripada pihak suami atau isteri, pihak waris akan mencari jalan penyelesaian untuk menguruskan masalah yang dihadapi oleh pasangan terbabit. Kebiasaannya, pihak waris kedua-dua pasangan akan berbincang sesama mereka. Namun begitu, jika masalah tersebut gagal diselesaikan, maka pihak waris ini akan membawa perkara tersebut kepada pengetahuan Stin pula untuk diselesaikan.

Melalui kenyataan di atas, pihak waris harus memikul tanggungjawab yang besar dalam memastikan keharmonian dan kerukunan rumah tangga anak buah mereka. Oleh yang demikian, kebanyakan waris ini cuba menolak untuk menerima wang adat daripada pasangan pengantin ketika adat berhukum berlangsung. Ini disebabkan wang adat ini akan mengikat mereka untuk bertanggungjawab atas masalah rumah tangga yang dihadapi oleh anak buah mereka.

Namun begitu, pada peringkat waris ini, tiada sebarang denda yang dikenakan kepada pihak yang telah melakukan kesalahan. Kebiasaannya, pihak waris hanya akan menasihati pasangan terbabit untuk berbaik semula dan mengemukakan cadangan untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Walau bagaimanapun, pihak waris akan terus memantau perkembangan pasangan tersebut di masa hadapan (Informan A5, 2022).

4. Perbicaraan Peringkat Stin

Sekiranya pihak waris gagal untuk menasihati dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi pasangan terbabit, maka permasalahan pasangan ini akan dibawa kepada pengetahuan kedua-dua Stin oleh waris kedua-dua belah pihak. Pada peringkat ini, kedua-dua Stin ini akan memanggil pasangan terbabit untuk mendengar sendiri permasalahan yang mereka hadapi. Ketika itu, kedua-dua suami isteri perlu menceritakan permasalahan yang mereka hadapi kepada Stin ini agar mereka dapat mencari punca permasalahan dan seterusnya menyelesaikan masalah itu (Informan A8, 2022).

Menurut Informan A4 (2022), walaupun Stin mempunyai kuasa daripada segi adat untuk mengendalikan permasalahan di peringkat bawahan dan menjatuhkan hukuman kepada pesalah, namun kebiasaannya beliau akan turut merujuk perkara tersebut kepada Batin untuk pengesahan. Sekiranya pada pandangan Stin terdapat kesalahan yang telah berlaku, maka Stin boleh menjatuhkan hukuman denda kepada pesalah sebanyak RM60 bagi kesalahan pertama dan meningkat kepada RM600 bagi kesalahan seterusnya atau kesalahan yang lebih besar.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dalam kenyataan ini, dapat diperhatikan struktur hukuman yang bakal dikenakan kepada mana-mana pesalah yang melanggar adat perkahwinan dalam komuniti ini. Hukuman yang lebih ringan akan dikenakan kepada kesalahan pertama dan hukuman tersebut boleh bertambah bagi kesalahan berulang atau kesalahan yang lebih berat.

Kajian yang dijalankan oleh Dentan (2003) mendapati pihak yang bersalah lebih sanggup membayar denda yang dikenakan berbanding daripada mendapat malu (*slniil*) apabila ingin berhubung kembali dengan komuniti. Perbicaraan, yang tidak mempunyai unsur paksaan lain, akan gagal tanpa adanya unsur *slniil* ini. Ini kerana individu terpaksa bergantung kepada hubungan sosial dengan ahli komuniti yang lain.

Melalui kenyataan tersebut, dapat dilihat bahawa seseorang pesalah ini khuatir sekiranya diri dan keluarganya dipulaukan oleh ahli komuniti. Ini kerana, mereka memang terkenal dengan hidup sebagai sebuah komuniti. Justeru, pesalah sanggup untuk membayar denda dan mengakui kesalahan mereka daripada dipulaukan oleh ahli komuniti.

4.1. Perbicaraan Peringkat Batin

Sekiranya pihak waris dan Stin gagal untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pasangan terbabit, maka permasalahan tersebut akan diadukan kepada Batin untuk diselesaikan melalui perbicaraan. Ianya merupakan tahap tertinggi dan paling akhir dalam perbicaraan. Kebiasaannya, perbicaraan ini akan diadakan di rumah pihak perempuan (Informan A3, 2022).

Tambah Informan A3 (2022) lagi, beberapa orang yang penting diwajibkan untuk menghadiri perbicaraan tersebut. Paling penting adalah kehadiran Batin kedua-dua pihak. Ini kerana mereka sahaja yang boleh menjatuhkan hukuman untuk bercerai kepada pasangan terbabit. Selain daripada Batin kedua-dua belah pihak, pihak suami dan isteri, waris-waris mereka serta Stin dan Tandil kedua-dua belah pihak juga dimestikan hadir bersama. Ini disebabkan kesemua mereka ini mempunyai peranan dalam sesi perbicaraan yang akan diadakan.

Dalam proses perbicaraan ini, pihak waris terlebih dahulu akan memulakan proses tersebut dengan menceritakan permasalahan yang dihadapi oleh pasangan terbabit. Seterusnya pihak Stin pula akan mengambil peranan untuk mengendalikan perbicaraan. Semasa perbicaraan ini berlangsung, pihak kedua-dua Batin ini hanya mendengar perbicaraan tersebut sahaja yang akan dikendalikan oleh Stin. Setelah selesai proses perbicaraan, perkara tersebut kemudiannya akan diangkat oleh Stin kepada Batin untuk proses seterusnya (Informan A6, 2022).

Apabila perbicaraan yang dikendalikan oleh Stin ini tadi telah selesai, maka kedua-dua Batin ini akan berbincang mengenai dapatan yang diperoleh hasil daripada perbicaraan tersebut. Batin pihak suami akan sekali lagi bertanya kepada pihak isteri dan begitu juga sebaliknya. Setelah mendapat kepastian, kedua-dua Batin ini seterusnya akan memberikan keputusan mereka. Lazimnya, pihak yang bersalah akan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM6000 dan pasangan terbabit kemudiannya diarahkan untuk bercerai (Informan A7, 2022)

Hukuman yang dikenakan ke atas pasangan suami isteri ini agak berat berdasarkan amaun denda dan arahan untuk bercerai. Tindakan ini terpaksa diambil kerana

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kesalahan yang dilakukan adalah kesalahan yang berulang atau kesalahan yang lebih besar. Dalam hal ini, nilai dan norma ini merupakan antara perkara penting yang menunjangi komuniti. Menurut Taib (1985), anggota masyarakat itu boleh dikenakan hukuman sama ada secara undang-undang atau dihukum dengan tekanan moral atas tindakannya yang tidak menurut aturan-aturan yang biasa terdapat dalam masyarakat.

Walaupun hukuman yang dikenakan adalah berbentuk adat dan bukannya melalui undang-undang yang rasmi, pesalah akan akur terhadap hukuman yang dikenakan ke atasnya. Melalui nilai dan norma yang dipegang secara bersama oleh ahli komuniti ini menyebabkan sesuatu kesalahan dan hukuman itu diiktiraf oleh ahli komuniti dan hal ini secara tidak langsung membuatkan hukuman adat ini kekal relevan.

5. Implikasi

Undang-undang adat dalam perkahwinan yang diaplikasikan dalam kehidupan berumah tangga pasangan suami isteri komuniti Semai di Pos Bersih ini telah menjadikan rumah tangga mereka dalam keadaan yang harmoni.

> "*Bagi pandangan saya, antara faktor yang menyebabakan perkahwinan komuniti Orang Asli di sini berkekalan sehingga ke akhir hayat disebabkan pasangan tersebut telah diajar dan dididik sejak mereka kecil lagi. Mereka juga patuh terhadap nasihat yang diberikan oleh pemimpin kampung. Jadi mereka takut untuk melanggar peraturan kerana mereka akan didenda jika tidak mengikut peraturan. Sebab itu perkahwinan boleh kekal*" (Informan A7, 2022).

"*Punca perkahwinan orang kampung di sini yang terus kekal kerana mereka benar-benar mengikut adat. Sebab itu tiada kes yang kahwin cerai di sini. Kahwin umur berapa pun memang dia ikut adat betul. Jaga bini dia, jaga anak dia. Bini pun jaga laki dan anak dia*" (Informan A1, 2022).

Berdasarkan kenyataan informan-informan ini, dapat dibuktikan pengamalan undang-undang adat dalam perkahwinan yang diterapkan sejak sekian lama dalam komuniti tersebut telah memberi kesan besar dalam keharmonian berumah tangga di kalangan pasangan suami isteri. Sungguhpun terdapat perselisihan faham kecil yang tercetus, namun ianya tidak melarat sehingga menyebabkan berlakunya perceraian di kalangan mereka. Ianya dikaitkan dengan kepatuhan mereka terhadap undang-undang adat selain nasihat-nasihat yang diberikan semasa adat berhukum dijalankan.

6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, tahap perbicaraan yang dijalankan di Kampung Pos Bersih adalah bergantung kepada kekerapan dan keseriusan kesalahan. Tahap perbicaraan ini menggambarkan struktur pimpinan dalam komuniti tersebut di mana setiap lapisan kepimpinan mempunyai fungsinya yang tersendiri. Selain unsur ini, peranan pemimpin adat yang terdiri daripada Batin, Stin, Tandil dan juga waris mas telah menyumbang kepada kestabilan rumah tangga pasangan-pasangan Orang Asli di kampung tersebut sehingga tiada sebarang kes penceraian yang direkodkan. Ianya juga berkait rapat dengan kepatuhan ahli komuniti untuk mematuhi undang-undang adat dalam perkahwinan sebagaimana yang telah diajar kepada mereka. Denda serta hukuman yang dikenakan kepada pasangan suami isteri ini bukanlah semata-mata untuk menghukum

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

tetapi lebih kepada memelihara keharmonian hidup di kalangan ahli komuniti di Kampung Orang Asli Pos Bersih. Melalui kepatuhan ahli komuniti terhadap pengamalan undang-undang adat dalam perkahwinan ini, ianya dapat menghasilkan komuniti yang aman dan harmoni. Apabila sesebuah keluarga itu dapat dibentuk dalam keadaan yang baik, maka ianya secara tidak langsung telah menyumbang kesan yang baik dan positif kepada komuniti secara keseluruhannya sehingga menjadi resam kehidupan mereka. Selain daripada itu, tindakan berbentuk hukuman dan denda ini adalah bagi mendatangkan rasa serik kepada pesalah agar tidak mengulanginya di masa hadapan. Melalui tindakan ini, ianya secara tidak langsung dapat membentuk ahli komuniti yang berdisiplin melalui pematuhan kepada undang-undang adat yang dilaksanakan. Justeru, konsep tradisi 'adat' dan 'resam' dalam komuniti Semai ini masih relevan untuk dipraktikkan dalam adat perkahwinan komuniti Semai di Pos Bersih, Perak meskipun telah mengalami sedikit perubahan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kebenaran dan persetujuan untuk menyertai kajian ini telah diperoleh daripada kesemua informan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Zanisah Man dalam memberikan panduan dan tunjuk ajar dalam menghasilkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada para informan yang telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya sepanjang kajian ini dijalankan.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

Rujukan

Ahmad Khairuddin, M. H. & Hanafiah, M. G. (2021). Perubahan budaya masyarakat Orang Asli Suku Temiar di Kampung Bukit Cermin, Kuala Kangsar, Perak. *Geografia Online-Malaysian Journal of Society and Space, 17*(2), 298-312.

Beattie, J. (1979). *Lain-Lain Kebudayaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bon, A. T., (2003). *Kenali Kami Masyarakat Orang Asli di Malaysia.* Penerbit KUiTTHO.

Carey, I. (1976). Orang Asli: *The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Oxford University Press.

Conway, D. M. (2008). Indigenizing intellectual property law: customary law, legal pluralism, and the protection of indigenous peoples' rights, identity, and resources. *Tex. Wesleyan L. Rev.*, *15*, 207.

Daud, F. (1992). *Pengenalan Teori-Teori Sosiologi.* Fajar Bakti.

Dentan, R. K. (2003). *Keeping the peace.* Routledge.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Edo, J. (1988). *Agama dan Perubatan Masyarakat Semai*. [Doctoral dissertation], University of Malaya.

Edo, J. (2004). Adat dan Nilai Masyarakat Orang Asli. dlm Adi Taha. *Orang Asli Khazanah Tersembunyi*. Jabatan Muzium Negara.

Fix, A,G. (1977). *The Demography of the Semai Senoi*. Amerika Syarikat: University of Michigan.

JAKOA. (2021). *Statistik Penduduk Orang Asli Daerah Mualim*. Tidak diterbitkan.

JAKOA. (2022). *Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Etnik dan Negeri, 2020*. Jabatan Kemajuan Orang Asli. Akses: https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/jadual-taburan-etnik-orang-asli-mengikut-negeri/

Junaid, I. (2016). Analisis Data Kualitatif dalam Penelitian Pariwisata. *Jurnal Kepariwisataan*, *10*(1), 62-63.

Jo Komar & Amir Zal, W. A., (2014). *Adat Orang Asli Suku Temuan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarudin, K. H. (2005). *Merangka Strategi Pembangunan Mapan Komuniti Orang Asli: Suatu Penilaian Tahap Kemapanan Komuniti Temiar Di Rancangan Pengumpulan Semula (Rps) Legap & Pos Kuala Mu, Daerah Kuala Kangsar, Perak.* [Doctoral dissertation], Universiti Teknologi Malaysia.

Lebar. O., (2012). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod.* Penerbit UPSI.

Mariappan, K. (2000). *Ketidaksamaan Sosial*. Utusan Publication.

Merton, R. K. (1968). *Social Theory & Social Structure*. Collier Macmillan Publisher.

Mohamad, J. B., Ahmad, A. N., & Razali, J. R. (2016). Faktor-Faktor Keterancaman Budaya Material Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Journal of Education and Social Sciences*, *5*(2), 307-317 https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2016/12/KC5_22.pdf

Moss, G. (1997). Explaining The Absence Of Violent Crime Among The Semai Of Malaysia: Is Criminological Theory Up To The Task?. *Journal of Crirninal Justice*, *25*(3), 177-194.

Muda, N. (2016). *Penggunaan Bahasa Suku Che Wong di Kuala Gandah, Pahang, Malaysia.* [Doctoral dissertation], Universiti Putra Malaysia).

Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous Politics, Development, and Identity in Peninsular Malaysia*. Center for Orang Asli Concerns.

Nor, S. N. M., Kamaluddin, M. R., & Sulaiman, W. S. W. (2019). Profil Jenayah Banduan Wanita di Malaysia: Satu Kajian Kualitatif. *Akademika*, *89*(2).

Patton, M. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Method.* Sage.

Raho, B. (2021). *Teori Sosiologi Modern* (edisi revisi). Prestasi Pustaka Publisher.

Rosley, N. A. (2009). Kajian Impak Pembangunan Terhadap Komuniti Orang Seletar: Kajian Kes Di Kg. Simpang Arang, Johor Bahru. dlm Siti Aminah Mohd Sam dan Seow Ta Wee. *Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli.* Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke 4.

Rosnon, M. R., Gill, S. S., Badari, S. A. Z., Ab Rahman, N. A. F. W., & Goh, A. D. H. (2019). Petunjuk pembangunan komuniti orang Asli: Suatu analisis penggunaan barangan dan perkhidmatan. *Geografia*, *15*(1).

Saad, N. A., (2015). *Pandangan MB Hooker terhadap adat di tanah Melayu: Analisis terhadap buku Islamic law in South-East Asia.* [Doctoral dissertation], Universiti Malaya).

Salleh, H. (1989). Bases of Traditional Authority among the Orang Asli of Peninsular Malaysia. *Akademika*, *35*(1).

Skeat, W. W., & Blagden, C. O. (1906). *Pagan races of the Malay Peninsula*. The Macmillan Company.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Suki Mee. (2009). *Orang Asli Perak: Perayaan Jis Pai dan Adat Perkahwinan*. Ipoh: Yayasan Orang Asli Perak.

Taib, A. (1985). *Asas-asas Antropologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Williams-Hunt, P. D. R. (1952). *An Introduction to the Malayan Aborigines*. Government Press.

Yew, V. W. C., Sia, M., Lam, K. C., Sarmila, M. S., & Selvadurai, S. (2015). Education and awareness of modern health care amongst aboriginal people: The case of the Jakuns of Peninsular Malaysia. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, *11*(13), 79–85.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).